



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

PELANTIKAN SEMULA YBHG. DATO SRI ROHANI ABDUL KARIM SEBAGAI PENERUS LPPKN

PUTRAJAYA, 18 APRIL - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mengumumkan pelantikan semula YBhg. Dato Sri Rohani Abdul Karim sebagai Pengerusi LPPKN berkuatkuasa 18 April 2025 sehingga 17 April 2027.

Sebelum ini, YBhg. Dato Sri Rohani telah menggalas tanggungjawab sebagai Pengerusi LPPKN selama dua tahun bermula 25 Mei 2023. Sepanjang memegang jawatan sebagai Pengerusi LPPKN, beliau telah menerajui LPPKN mencapai kejayaan besar di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

KPWKM mengucapkan tahniah dan semoga dengan pelantikan semula ini YBhg. Dato Sri Rohani dapat meneruskan kecemerlangan kepimpinannya dalam menerajui dan memperkukuhkan lagi operasi dan perkhidmatan LPPKN sebagai Peneraju Kesejahteraan Keluarga Negara.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)
18 April 2025**